

Polis gesa media lapor BERSIH dengan adil
MalaysiaKini.com
May 03, 2012

Kebetulan dengan Hari Kebebasan Media Sedunia hari ini, Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar menggesa media melaporkan secara adil dan saksama berhubung tindakan polis menangani peserta BERSIH 3.0 pada Sabtu lalu.

NONE"Walaupun media bebas melaporkan perkara-perkara berkaitan perhimpunan BERSIH 3.0 dan juga tohmahan terhadap polis, ia hendaklah dilakukan secara berhemah, adil dan saksama," kata Ismail dalam kenyataannya pagi ini.

Menurutnya, polis mengalu-alukan laporan yang disokong dengan fakta dan bertujuan mengkritik secara membina.

"Laporan yang tidak bertanggungjawab hanya boleh membangkitkan sentimen negatif di kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum," katanya.

Sementara itu, Ismail juga berkata, satu pasukan khas ditubuhkan untuk menyiasat dakwaan kekasaran polis.

Selepas perhimpunan BERSIH 3.0 pada 28 April lalu, polis menerima tamparan hebat apabila didakwa berkasar terhadap peserta perhimpunan, aktivis dan media.

Pihak media juga menyuarakan perasaan tidak puas hati dengan layanan polis apabila beberapa insiden mengenai petugas media, terutamanya terhadap wartawan The Sun, Radzi Razak yang retak rahangnya.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
Source: <http://www.malaysiakini.com/news/196788>